

# Itinerari

# 10H UMRAH

(AWAL MAKKAH)



# 10H UMRAH (AWAL MAKKAH)

*Langkah menuju Kaabah, adalah langkah kembali kepada-Nya*

## Hari 1

### SINGAPORE - JEDDAH - MAKKAH

Berkumpul di Lapangan Terbang Changi 3 jam sebelum waktu berlepas dan menaiki penerbangan ke Jeddah, Arab Saudi. Kira-kira 45 minit hingga 1 jam sebelum mendarat di Jeddah, para jemaah akan menjatuhkan niat untuk mengerjakan Umrah. Setibanya di **Lapangan Terbang Antarabangsa King Abdulaziz**, Jeddah, wakil kami akan menyambut ketibaan para jemaah dan meneruskan perjalanan ke **kota Makkah** dengan menaiki bas berhawa dingin, yang mengambil masa lebih kurang 2 jam. Sebaik tiba, daftar masuk ke hotel dan terus melaksanakan **ibadah Umrah**.

## Hari 2

### MAKKAH

**Acara bebas.** Para jemaah digalakkan untuk memperbanyakkan amalan ibadah seperti melakukan Tawaf Sunnat, menunaikan solat sunat, menyertai solat berjemaah, serta membaca al-Quran di Masjidil Haram.

## Hari 3

### MAKKAH

Selepas sarapan, lawatan akan dimulakan dengan menuju ke **Jabal Tsur**, di mana terletak **Gua Tsur**. Gua ini menjadi tempat persembunyian Nabi Muhammad SAW dan Saidina Abu Bakar RA ketika



mereka melarikan diri daripada buruan kaum Quraisy pada tahun 622 Masihi, semasa peristiwa Hijrah ke Madinah.

Seterusnya, para jemaah akan dibawa ke kawasan **Arafah**, iaitu tempat berwukuf bagi jemaah Haji. Di sini juga terletak **Jabal Rahmah**, yang dikenali sebagai lokasi pertemuan semula antara Nabi Adam AS dan Hawa. Para jemaah akan melalui kawasan **Muzdalifah**, tempat di mana para jemaah Haji mengutip batu kecil, dan juga **Mina**, tempat mereka bermalam semasa ibadah Haji.

Kemudian, perjalanan diteruskan ke **Masjid Ji'ronah** untuk menunaikan solat sunat Ihram, berniat ihram, dan seterusnya melakukan niat untuk Umrah Kedua (Sunat) atau Badal Umrah.



#### Hari 4 MAKKAH

Acara Bebas. Para jemaah digalakkan untuk memperbanyakkan amalan ibadah sepanjang berada di **Masjidil Haram**. Antara amalan yang disarankan termasuklah melakukan Tawaf Sunnat, menunaikan solat sunat, menyertai solat berjemaah, serta membaca dan menghayati al-Quran. Manfaatkan masa

yang ada untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT di rumah-Nya yang penuh keberkatan dan ganjaran pahala yang berlipat ganda.



#### Hari 5 MAKKAH - TAIF - MAKKAH

Selepas sarapan, para jemaah akan bertolak ke **Taif** dengan menaiki bas, yang mengambil masa kira-kira 1 hingga 2 jam perjalanan. Di Taif, para jemaah akan dibawa melawat **ladang bunga ros** dan berpeluang membeli minyak wangi asli bagi yang berminat. Seterusnya, jemaah akan menunaikan solat Jamak Zuhur dan Asar di **Masjid Ibn Abbas**, diikuti dengan makan tengah hari di sebuah restoran Arab di Taif. Akhir sekali, para jemaah akan bertolak semula ke Makkah dan dijangka tiba sekitar waktu Maghrib.



### Hari 6 MAKKAH - MADINAH

Selepas solat Subuh, para jemaah akan berkumpul untuk melaksanakan **Tawaf Wada'** (Tawaf Perpisahan) sebagai tanda penghormatan sebelum meninggalkan kota suci Makkah. Selesai Tawaf, jemaah akan kembali ke hotel untuk menikmati sarapan pagi dan membuat persiapan bertolak ke **Madinah**. Jemaah akan daftar keluar (check-out) dari hotel selepas solat Zohor dan berangkat ke **stesen kereta api**. Perjalanan ke Madinah akan diteruskan dengan menaiki kereta api laju selama kira-kira 2 jam 30 minit (tertakluk kepada ketersediaan tempat duduk). Setibanya di Madinah, jemaah akan daftar masuk ke hotel dan seterusnya menuju ke **Masjid Nabawi** untuk menunaikan solat fardhu.

### Hari 7 MADINAH

Selepas solat Subuh dan sarapan pagi, para jemaah akan berkumpul di lobi hotel untuk memulakan lawatan sekitar Masjid Nabawi. Lawatan ini termasuk menziarahi **Maqam Rasulullah SAW serta dua sahabat Baginda** yang mulia, iaitu Saidina Abu Bakar As-Siddiq RA dan Saidina Umar ibn Al-Khattab RA. Sekiranya kebenaran (permit) telah diperolehi, para jemaah juga akan dibawa masuk ke kawasan **Raudhah**, iaitu taman syurga yang terletak di antara mimbar dan makam Rasulullah SAW — tempat mustajab doa dan penuh keberkatan.

*Maqam Rasulullah SAW terletak di dalam Masjid Nabawi, Madinah, dan merupakan tempat persemadian Baginda bersama dua sahabat terdekat, Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar R.A.*

### Hari 8 MADINAH

Selepas sarapan, para jemaah akan dibawa melawat beberapa lokasi bersejarah di Madinah, bermula dengan **Masjid Quba**, masjid pertama yang dibina oleh Nabi Muhammad SAW pada tahun 1 Hijrah ketika Baginda berhijrah dari Makkah ke Madinah. Para jemaah disarankan untuk berwuduk di hotel dan mengekalkannya sehingga tiba di Masjid Quba, bagi membolehkan mereka menunaikan solat sunat dua rakaat, sebagaimana dianjurkan oleh Rasulullah SAW.

Seterusnya, jemaah akan dibawa ke **Kebun Kurma**, di mana mereka berpeluang membeli pelbagai produk seperti kurma, kekacang, coklat dan manisan tempatan sebagai buah tangan atau cenderahati. Akhir sekali, lawatan diteruskan ke **Jabal Uhud**, lokasi berlakunya Perang Uhud yang bersejarah, di mana tentera Islam seramai 700 orang bertempur dengan 3,000 tentera musyrikin. Di sinilah juga terletaknya makam para syuhada termasuk Sayyidina Hamzah RA, bapa saudara Nabi SAW yang gugur syahid.

### Hari 9 MADINAH - JEDDAH

Hari terakhir para jemaah di bumi Madinah. Para jemaah akan dibawa sekali lagi untuk menziarahi **Maqam Rasulullah SAW** bagi mengucapkan salam perpisahan kepada Baginda tercinta. Selesai ziarah, jemaah akan kembali ke hotel untuk membuat persiapan pulang ke Singapura. Selepas daftar keluar (check-out) dari hotel, perjalanan akan diteruskan ke **Lapangan Terbang Jeddah** dengan menaiki bas yang mengambil masa kira-kira 5 hingga 6 jam. Setibanya di lapangan terbang, jemaah akan mendaftar masuk (check-in) bagi penerbangan pulang ke tanah air.

*Daripada Abu Hurairah RA, Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: "Antara satu umrah ke satu umrah menghapuskan dosa antara kedua-duanya dan haji yang mabrur tidak ada baginya ganjaran melainkan syurga." (Riwayat Bukhari).*

### Hari 10 JEDDAH - SINGAPORE

Alhamdulillah, selamat tiba di **Lapangan Terbang Changi, Singapura**. Semoga Umrah kita diterima, diberkati, dan menjadi asbab kebaikan yang berterusan dalam hidup kita. Aamiin ya Rabbal 'Alamin.



# Hotel Penginapan

## MADINAH

Maden Al Rawda / setaraf ★★★★★

Maden Hotel / setaraf ★★★★★



## MAKKAH

Al Safwah Hotel / setaraf ★★★★★

Pullman ZamZam Hotel / setaraf ★★★★★



# Pakej Termasuk



HOTEL  
PENGINAPAN



ECONOMY AIRLINE  
TICKET



MUTAWIF &  
PEGAWAI



BAS BERHAWA  
DINGIN



MAKAN 3 KALI  
SEHARI



BUKU PANDUAN  
UMRAH



CABIN & BAG  
SANDANG



KAIN IHRAM  
& TELEKUNG



HIGH SPEED  
TRAIN



DAY TRIP  
KOTA TAIF



AIR  
ZAM ZAM

# Pakej Tidak Termasuk

- Visa (Umrah/Tourist)
- Travel Insurance Peribadi
- Suntikan Meningitis & Influenza
- Excess baggage
- Tambahan Hotel/Visa/Fues/VAT Surcharge Dikenakan Jika Ada
- Covid-19 Tests